



## SIARAN MEDIA

### OPS KESAN PERKESO PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 DIGERAKKAN UNTUK MENJEJAK MAJIKAN YANG BELUM BERDAFTAR DAN MENCARUM BAGI MEMASTIKAN PERLINDUNGAN PEKERJA DI BAWAH AKTA 4 DAN AKTA 800

**SEPANG** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini melancarkan Operasi Pengesahan Majikan, **Ops Kesan PERKESO Peringkat Kebangsaan Tahun 2023**, setelah tempoh pemutihan berakhir pada 30 Jun 2023.

Ops Kesan ini merupakan **tindakan penguatkuasaan bersepada oleh pegawai-pegawai penguatkuasa PERKESO daripada 54 pejabat di seluruh negara** termasuk ibu pejabat untuk menjek majikan yang masih belum berdaftar dan mencarumkan pekerja mereka di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** dan **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**.

Pelancaran Ops Kesan PERKESO Tahun 2023 telah disempurnakan oleh **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO** di Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA di sini.

Sejurus pelancaran, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman telah mengetuai kumpulan pegawai penguatkuasa melawat majikan dari pintu ke pintu di sekitar kawasan tersebut. Tumpuan pengesahan kali ini adalah di sekitar **daerah Sepang, Selangor dan daerah Nilai, Negeri Sembilan** yang melibatkan pegawai penguatkuasa PERKESO daripada tiga pejabat PERKESO iaitu **Pejabat PERKESO Putrajaya, Pejabat PERKESO Negeri Selangor dan Pejabat PERKESO Negeri Sembilan**.

Antara yang turut sama dalam Ops Kesan tersebut adalah Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO dan Cik Jazlina Alias, Ketua Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan PERKESO.

Pada masa yang sama, pegawai-pegawai penguatkuasa PERKESO di seluruh negara mengambil bahagian dalam Ops Kesan kali ke-14 ini dengan menjelak majikan di bawah pengawasan pejabat masing-masing.

Ops Kesan bersepadu ini bertujuan memastikan majikan mematuhi Akta 4 dan Akta 800 untuk **perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja yang layak** di bawah akta-akta tersebut. Sebelum ini, PERKESO telah memberi peluang kepada majikan selama **dua bulan tempoh pemutihan dari 1 Mei 2023 hingga 30 Jun 2023** untuk mendaftar perusahaan dan mencarum pekerja mereka secara sukarela tanpa sebarang tindakan penalti atau kompaun.

Semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji) perlu mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka sebagaimana peruntukan **Seksyen 4 dan 5 (Akta 4), serta Seksyen 14 dan 16 (Akta 800)**.

Bermula dari **1 Julai 2023** hingga pukul **3.00 petang hari ini (10 Julai 2023)**, PERKESO telah menjalankan lawatan pemeriksaan ke **3,457** premis majikan dengan **564 notis kompaun Akta 4** dan **173 notis kompaun Akta 800** dikeluarkan kepada majikan. Keseluruhan **737** notis tersebut melibatkan nilai kompaun sebanyak **RM 710,700**.

Berdasarkan rekod pendaftaran PERKESO sehingga **30 Jun 2023**, sejumlah **1.16 juta majikan telah berdaftar dengan PERKESO**. Walau bagaimanapun, jumlah majikan yang **aktif mencarum** (iaitu sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan) adalah **581,936 majikan**.

**Jumlah pekerja aktif** (sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan) adalah seramai **9.4 juta** orang termasuk **33,447 pekerja domestik** dan **1.3 juta pekerja asing**.

Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja merupakan satu kesalahan yang **boleh dikenakan tindakan pengkompaunan dan pendakwaan**. Jumlah kompaun yang boleh dikenakan bagi setiap kesalahan yang dilakukan boleh mencecah sehingga **RM5,000**.

Selain itu, majikan juga akan dikenakan penalti atau **Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)** pada kadar **enam (6) peratus setahun** atas **setiap hari caruman lewat dibayar**. Sekiranya gagal berbuat demikian, majikan boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dijatuhi hukuman **denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali**.

Ops Kesan yang dijalankan PERKESO bertujuan memastikan setiap pekerja yang layak akan mendapat perlindungan keselamatan sosial demi kesejahteraan mereka atau orang tanggungan sekiranya ditimpa sebarang musibah seperti kemalangan, penyakit atau kematian. Ini adalah selaras dengan penekanan perlindungan sosial yang inklusif serta kerangka **Malaysia MADANI** yang menumpukan kepada keterangkuman dan mengutamakan pembangunan yang mampan, sejahtera dan bersifat insan.

**Dikeluarkan oleh:**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

**10 JULAI 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Mohd Wazid Zaidon di +6017-619 3181 atau emel [wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)